

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) TAHUN 2021 SIRI 1
MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN
NEGERI TERENGGANU**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Tahun 2021 Siri 1 mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu. LKAN ini melaporkan dua tajuk pengauditan, iaitu satu tajuk di bawah pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan negeri dan satu tajuk berkaitan prestasi mengenai aktiviti jabatan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu

- Pertama Trengganu Sdn. Bhd. (PERTIMA) [Syarikat Berhad Menurut Syer]

- a. Rumusan bagi perkara utama yang dilaporkan ialah:
 - i. visi syarikat untuk menjadi peneraju utama dalam sektor pembuatan produk makanan halal dalam tin di Malaysia dan membina pasaran di peringkat global belum tercapai;
 - ii. pengurusan aktiviti kurang cekap kerana terdapat kelemahan dalam prestasi dan pelaksanaan;
 - iii. tadbir urus korporat memuaskan namun lima daripada lapan aspek tadbir urus tidak diamalkan sepenuhnya; dan
 - iv. kedudukan kewangan stabil kerana syarikat merekodkan keuntungan sebelum cukai dan penurunan kerugian terkumpul pada tahun 2020.
- b. Penemuan Audit bagi pengurusan aktiviti syarikat adalah seperti berikut:
 - i. perbezaan baki stok bahan mentah;
 - ii. lebihan stok tin kosong daging korban Islamic Relief Worldwide (137,904 unit), kari ayam 1Malaysia (19,760 unit) dan tin kosong tidak berlabel (17,550 unit);
 - iii. pengeluaran produk tidak mencapai keupayaan pengeluaran minimum mesin;
 - iv. pembinaan *Waste Water Treatment Plant* tidak dibuat; dan
 - v. aset yang rosak terbiar dan tidak digunakan.

1.2. Pengauditan Aktiviti Jabatan Negeri

Program Perumahan Terengganu-Ku Sejahtera (PPTS)

- Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)

- Pejabat Daerah Kuala Nerus (PDKN)

- Pejabat Daerah Dungun (PDD)

- Pejabat Daerah Kemaman (PDK)

[Peruntukan: RM31 juta]

- a. Kajian ini melaporkan aspek pencapaian output, pencapaian keberhasilan dan pengurusan PPTS

i. Pencapaian Output

Pencapaian output adalah baik kerana sebanyak 62 projek bina baharu disiapkan dalam tahun semasa. Selain itu, sebanyak 536 atau 99% daripada 541 kerja baik pulih rumah telah disiapkan dalam tahun semasa kecuali lima kerja di PDD pada tahun 2019 disiapkan melebihi tahun semasa. Tempoh kelewatan adalah antara 148 hingga 243 hari.

ii. Pencapaian Keberhasilan

Pencapaian keberhasilan tidak dapat diukur kerana UPEN dan pejabat daerah tidak mewujudkan sebarang mekanisme penilaian bagi menentukan tahap keberhasilan PPTS. Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2020, seramai 6,240 penduduk Negeri Terengganu yang layak telah menerima manfaat PPTS melibatkan 142 bina baharu dan 6,098 baik pulih rumah di lapan daerah. Berdasarkan maklum balas, kualiti rumah yang dibina dan dibaik pulih adalah baik, selesa dan selamat diduduki oleh penerima bantuan.

iii. Pengurusan PPTS

Pembinaan empat rumah bina baharu tidak mengikut pelan ditetapkan kerana *awning* pintu dapur di tiga rumah dan longkang di satu rumah tidak dibina.

2. Keseluruhan syor audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara ialah enam syor, iaitu dua kepada Program Perumahan Terengganu-Ku Sejahtera dan empat kepada PERTIMA.